

21/08/2004

`Elak tanah rizab Melayu tukar tangan'

KUALA LUMPUR: Beberapa tokoh dan pertubuhan semalam mengalu-alukan keputusan kerajaan membenarkan tanah simpanan Melayu dipajakan kepada bukan Melayu sehingga tempoh maksimum 60 tahun untuk dimajukan, yang bertujuan meningkatkan nilai tanah rizab itu.

Bagaimanapun, mereka mahu satu sistem pemantauan rapi diwujudkan bagi mengelakkan tanah simpanan itu bertukar tangan.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, ketika mengumumkan keputusan mesyuarat Majlis Tanah Negara ke-60 supaya Enakmen Rizab Melayu (ERM) dipinda bagi membolehkan tanah itu dipajakan kepada bukan Melayu sehingga tempoh maksimum 60 tahun, kelmarin berkata langkah itu membolehkan tanah berkenaan di majukan dengan pada masa sama mengekalkan pemilikan di tangan orang Melayu.

Pengerusi Tuan-Tuan Tanah Kampung Bharu, Datuk Paduka Raja Wan Mahmood Pawan Teh, berkata pihaknya sendiri pernah mengemukakan cadangan serupa menerusi memorandum kepada bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, pada 26 November 1994.

Pengerusi Persatuan Bekas Wartawan Berita Harian Malaysia, Dr Alias Mohamed, pula berharap kerajaan mewujudkan sistem pemantauan rapi dan berwaspada terhadap pihak ketiga yang diberi manfaat pajakan supaya hasilnya dapat dinikmati pemilik asal secara maksimum.

Di KUALA BERANG, Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Idris Jusoh, berkata rakyat tidak harus bimbang dengan pindaan itu kerana kerajaan memberi jaminan bahawa tanah yang akan dipajak tidak akan menjadi hak milik pemajak.

"Pindaan itu adalah rancangan jangka panjang kerajaan untuk memajukan tanah yang tidak diusahakan dan tidak seharusnya dipandang dari aspek negatif," katanya.

Di GEORGETOWN, Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri, Datuk Seri Dr Hilmi Yahaya berkata, pajakan tanah selama tempoh 60 tahun akan memudahkan lebih ramai orang Melayu mengumpul dana, berbanding memohon pinjaman daripada institusi kewangan.

Katanya, pemilik tanah terbabit juga tidak perlu bimbang kerana aset mereka tetap kekal selepas tempoh pajakan itu selesai.

"Orang Melayu perlu merancang dan merebut peluang itu untuk memajukan tanah mereka bagi mendapatkan modal untuk memulakan atau mengembangkan perniagaan masing-masing," katanya.

Di SEREMBAN, Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Mohamad Hasan, percaya langkah itu boleh meningkatkan nilai ekonomi tanah rizab Melayu yang selama ini terbiar serta bertepatan dengan matlamat kerajaan untuk memajukan semua hartanah negara.

"Keputusan itu bijak kerana hanya syarikat yang mempunyai 60 peratus pemegang saham Bumiputera dan 40 peratus pemegang saham bukan Bumiputera dibenarkan memajak tanah itu," katanya.

Di JOHOR BAHRU, Pengarah Tanah dan Galian Johor, Datuk Awang Mohamad, berkata Johor sudah memasukkan perkara itu sebagai cadangan untuk pindaan pada peringkat negeri bagi memudahkan proses pembangunan tanah rizab Melayu di negeri itu, tanpa perlu menukar status tanah itu.

Katanya, sebelum ini ada kes tanah rizab Melayu dibangunkan orang asing menggunakan nama ketiga kerana tiada peruntukan yang membolehkan mereka memajukan tanah itu.

Di PENGKALAN HULU, Menteri Besar Perak, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali

berkata, pihaknya bersetuju dengan cadangan itu kerana masih banyak tanah orang Melayu termasuk di pekan atau bandar yang belum dapat dibangunkan.

"Tanah Melayu kini harganya rendah dan dengan cara ini akan dapat menaikkan nilai harga berkenaan terutama yang terletak di kawasan bandar," katanya semalam.

Di KUANTAN, Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob, berkata kerajaan negeri sedia meminda Enakmen Rizab Melayu bagi membolehkan 424,743.8 hektar tanah rizab Melayu di seluruh negeri itu dipajakkan kepada bukan Melayu untuk dimajukan.

"Jika tanah rizab Melayu itu boleh mengeluarkan hasil, ia patut dimajukan tanpa sekatan tertentu," katanya selepas merasmikan program 'RHB Di Hati' di Hyatt Regency Kuantan, semalam.

Di KOTA BHARU: Kerajaan Pas Kelantan bersetuju dengan keputusan Mesyuarat Majlis Tanah Negara (MTN) ke-60 yang memutuskan Enakmen Rizab Melayu (ERM) dipinda bagi membolehkan tanah rizab simpanan Melayu dipajakkan kepada bukan Melayu.

Timbalan Menteri Besar, Ahmad Yakob berkata, kerajaan negeri juga akan membawa perkara itu untuk dibincangkan dalam mesyuarat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan negeri (Exco) pada 1 September ini.

Katanya, dalam tempoh terdekat ini kerajaan negeri akan mengadakan mesyuarat khas bersama Penasihat Undang-Undang, Pejabat Tanah dan Galian (PTG) dan ahli exco.

"Pada dasarnya kita menyokong dan menyambut baik keputusan MTN berhubung pindaan tanah rizab Melayu termasuk di Kelantan, bagi membolehkan dipajak kepada bukan Melayu," katanya.

(END)